Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | UTUSAN MALAYSIA | | | | |
| TARIKH | : | 10/1/2017 | MUKA SURAT | : | 3 | |
| JABATAN | : | NRE / JPS / BANJIR | | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | | |


# 2,610km pantai diancam hakisan – Wan Junaidi

**KUALA TERENGGANU 9 Jan.** - Sepanjang 2,610 kilometer (km) pesisiran pantai di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dikenal pasti diancam hakisan dan daripada itu, 10 peratus atau 261km dalam keadaan kritikal.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, daripada kawasan kritikal itu pula, kebanyakannya dikesan berlaku di pantai Terengganu yang terdedah kepada ombak kuat Laut Cina Selatan.

Beliau memberitahu, masalah hakisan pantai itu dikenal pasti oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Pihak JPS sudah kenal pasti kawasan-kawasan kritikal dilanda hakisan pantai di seluruh negara. Kita mempunyai jaluran pantai sepanjang 8,700km di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, 30 peratus (2,610km) adalah pantai yang terlibat dengan hakisan. Daripada jumlah itu, 10 peratus (261km) kritikal (hakisan)," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu ketika ditemui pemberita selepas meninjau tapak projek mencegah hakisan pantai di Kampung Kolam, Mengabang Telipot dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah JPS Terengganu, Ir. C. Poobalan.

Dalam pada itu Wan Junaidi berkata, kementeriannya merancang melaksanakan projek tambahan merangkumi projek tambak dan pemecah ombak, selain pangkalan pendaratan nelayan yang dianggarkan menelan belanja kira-kira RM80 juta di pantai Tok Jembal di sini.

Jelasnya, projek tambak dan pemecah ombak itu akan dibina sejauh 1.5km melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Kolam, Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Tengah yang terletak bersebelahan.

Menurutnya, pada masa ini, projek sedia ada sejauh 3.2km yang merangkumi projek tambak dan tiga pemecah ombak sudah dibina di kawasan pantai berhampiran.

"Jadi, untuk projek tambahan ini yang membabitkan kos kira-kira RM80 juta juga akan memberi manfaat kepada para nelayan mendaratkan hasil tangkapan dengan selamat," tambahnya.



**WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir selepas bergotong-royong membersihkan kawasan yang dinaiki air dan melawat pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Durian Mentangau, Dungun, Terengganu, semalam. - UTUSAN/KASANABILAH KAMARUZAMAN**